

08/10/2003

IRCo kendali urus niaga getah

MALAYSIA, Thailand dan Indonesia memeterai perjanjian pemegang saham bagi penubuhan International Rubber Consortium Limited (IRCo) yang akan membeli dan menjual getah ketiga-tiga negara.

Konsortium itu akan memantau permintaan dan penawaran getah dunia bagi memastikan harga getah sentiasa stabil dan tidak berlaku lambakan dalam pasaran.

Penubuhannya dijangka membantu meningkatkan pendapatan kira-kira 10,000 pekebun kecil getah di ketiga-tiga negara berkenaan.

IRCo akan mempunyai modal permulaan AS\$4.5 juta (RM17.1 juta) dan modal dibenarkan AS\$225 juta (RM855 juta).

Sebagai permulaan Thailand sebagai pengeluar getah terbesar dunia akan menyumbang AS\$2 juta (RM7.6 juta), Indonesia AS\$1.5 juta (RM5.7 juta) dan Malaysia AS\$1 juta (RM3.8 juta). Konsortium akan mempunyai sembilan ahli lembaga pengarah, iaitu empat mewakili Indonesia, tiga Thailand dan dua Malaysia.

Mereka bertanggungjawab terus kepada menteri berkenaan di negara masing-masing.

Pada majlis itu Malaysia diwakili Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Indonesia Menteri Perdagangan dan Industri, Rini M Sumarno Soewandi; dan Thailand, Menteri Pertanian dan Koperasi, Sora-at Klinpratoom.

Majlis bersejarah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Bali (BICC) lewat malam kelmarin disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri dan Perdana Menteri Thailand, Dr Thaksin Shinawatra.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Lim berkata, penubuhan IRCo adalah kemuncak kepada usaha berterusan ketiga-tiga negara untuk menubuhkan konsortium yang akan mengawal harga getah selepas kejatuhan teruk sebelum 2001.

Katanya, IRCo akan menjadi pelengkap kepada dua strategi yang diperkenalkan ketiga-tiga negara dalam Deklarasi Bali 2001 melalui Perjanjian Persefahaman (MoU) untuk membentuk International Tripartite Rubber Cooperation (ITRC).

"Dua strategi itu ialah Skim Pengurusan Penawaran (SMS) dan Skim Eksport Isipadu Dipersetujui (AETS). Melalui SMS, jumlah keluaran getah ketiga-tiga negara dikurangkan sebanyak empat peratus, manakala di bawah AETS, kami mengurangkan eksport getah sebanyak 10 peratus.

"Kedua-dua strategi itu mengakibatkan harga getah yang sebelum 2001 jatuh ke paras paling rendah sejak 30 tahun iaitu AS\$0.48 sekilogram, naik sehingga AS\$1.17 sekilogram," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini harga getah berada pada paras AS\$1.15 hingga AS\$1.17 sekilogram.

"Jika keadaan memerlukan, kami akan menggunakan SMS dan AETS untuk mengimbangi penawaran dan permintaan dalam pasaran supaya pekebun di ketiga-tiga negara mendapat pendapatan berpatutan," katanya.

Dr Lim berkata, perjanjian itu juga memberi tanggungjawab kepada ketiga-tiga menteri berkenaan memantau operasi keseluruhan konsortium setiap tahun.

Beliau bagaimanapun berkata, IRCo tidak sama sekali bertujuan menaikkan harga getah ke paras tertinggi, sebaliknya mengawal harganya daripada jatuh dan memberi jaminan konsortium tidak akan stok getah untuk menaikkan

harganya.

"Kita kena memantau dan membuat perbezaan dengan getah sintetik dan mengekalkan kadar 60 peratus sintetik dan 40 getah asli dalam pasaran," katanya.

Ditanya bagaimana IRCo akan membeli stok getahnya, Dr Lim berkata, konsortium itu akan bersaing dengan pengeksport getah persendirian dan membeli pada harga pasaran semasa.

Sementara itu, dalam kenyataan bersama ketiga-tiga menteri, mereka sepakat IRCo sedia membuka pintunya kepada pengeluar getah dunia lain, termasuk India, pengeluar ketiga terbesar dunia selepas Thailand dan Indonesia.

"Oleh itu, ketiga-tiga negara menjemput anggota Pertubuhan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) menyertai IRCo untuk usaha melindungi industri getah," katanya.

Dua wakil Malaysia dalam lembaga IRCo ialah Ketua Pegawai Eksekutif Mardec, Datuk Dr Mahmud Abdul Kadir dan Penasihat Lembaga Getah Malaysia, Rasip Latiff.

Mesyuarat pertama pemegang sahamnya akan diadakan tidak lama lagi untuk memperbadankannya di Thailand.